



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## KENYATAAN MEDIA

YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

22 FEBRUARI 2017

---

### STANDARD BARU BERKENAAN SPESIFIKASI PEMASANGAN CERMIN GELAP YANG DITETAPKAN JPJ

---

PUTRAJAYA, 22 FEBRUARI – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Standard Malaysia telah meluluskan 9 Malaysian Standards (MS) baru termasuk **MS berkaitan filem penghadang haba** di mana ia memberi panduan kepada pihak industri termasuklah juga orang awam berkenaan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengakutan Jalan (JPJ).

MS ini **menyokong Kaedah 5(1) dan Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) Pindaan 2000** di bawah JPJ untuk membantu mengawal selia dan mentadbir piawaian keselamatan kenderaan bermotor dengan cekap serta berintegriti bagi memenuhi keperluan pengguna, alam sekitar serta industri automotif negara.

Penggunaan filem penghadang haba kenderaan kini tidak lagi dilihat sebagai aksesori tambahan, malah lebih kepada keperluan oleh pemilik kenderaan untuk mengurangkan kepanasan dalam kenderaan.

Dengan adanya standard ini, orang ramai akan lebih mudah memahami spesifikasi yang ditetapkan oleh JPJ dan mengurangkan kekeliruan antara penjual filem penghadang haba dengan pemilik kenderaan.

Ia turut memberi panduan kepada individu yang membawa masuk kenderaan import ke negara khusus bagi kenderaan yang menggunakan cermin gelap.

Di samping itu, ia juga merangkumi kaedah pengujian yang akan digunakan oleh makmal pengujian bagi pengesahan pematuhan produk. Pada bulan ini, MOSTI juga telah meluluskan 17 standard yang diulangkaji dan 121 MS sedia ada telah ditarik balik memandangkan ia tidak lagi relevan untuk dijadikan rujukan oleh badan-badan berkepentingan seperti pihak industri, badan pensijilan dan badan penguatkuasa.

Sehingga kini, terdapat 5,211 MS yang merentasi pelbagai sektor industri yang telah dibangunkan di bawah MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia.

---

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi**

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sains, Teknologi dan  
Inovasi Malaysia  
Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092

Puan Kee Lai Sien  
Pegawai Perhubungan Awam  
Jabatan Standard Malaysia  
No. Telefon: 03-8318 2211  
Emel: [kee@jsm.gov.my](mailto:kee@jsm.gov.my)